



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN/ ONLINE**

---

**NAMA KURSUS** : **PERHUBUNGAN PERINDUSTRIAN  
MALAYSIA: UNDANG-UNDANG DAN  
AMALAN**

**KOD KURSUS** : **DSM3193**

**PEPERIKSAAN** : **NOVEMBER 2020**

**MASA** : **6 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **SATU (1)** bahagian sahaja: (100 Markah)
  - i. Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan di dalam Kertas Jawapan.
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Pelajar dibenarkan merujuk kepada sumber seperti nota kuliah, buku, internet atau mana-mana sumber yang berkaitan.
4. Jawab **SEMUA** soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
5. Tulis butiran anda seperti mana berikut: di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
  - I. Nama Penuh Pelajar
  - II. No. Kad Pengenalan
  - III. Seksyen Kelas
  - IV. Kod Kursus
  - V. Nama Kursus
  - VI. Nama Pensyarah
6. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
7. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 4 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

---

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan.

**SOALAN 1**

- a. Sebagai wakil pekerja di Malaysia, apakah usaha-usaha yang boleh dilaksanakan oleh Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dalam melindungi hak pekerja di negara ini?  
(6 markah)
  
- b. Seandainya anda dilantik sebagai pemimpin kesatuan sekerja, apakah yang anda akan lakukan bagi menjamin kesaksamaan dan mewujudkan persekitaran kerja yang lebih baik?  
(10 markah)
  
- c. "Strategi yang bersesuaian boleh mengelakkan berlakunya pertelingkahan antara pihak majikan dan kesatuan sekerja". Bincangkan pernyataan ini dengan merujuk kepada strategi-strategi yang bersesuaian.  
(9 markah)

**SOALAN 2**

a. Terangkan bagaimanakah majikan boleh memberikan pengiktirafan kepada kesatuan sekerja?

(7 markah)

b. Sunil merupakan Pengurus Kesatuan Sekerja Pembinaan Alam Bintang. Beliau telah minta bantuan salah seorang ahli kesatuan sekerja untuk menyempurnakan proses pendaftaran kesatuan sekerjanya. Kenal pastikan perkara-perkara yang perlu dititikberatkan oleh Sunil agar beliau boleh menjadikan Kesatuan Sekerja Pembinaan Alam Bintang sebuah kesatuan sekerja yang berdaftar.

(9 markah)

c. Apakah alasan-alasan yang membolehkan Akta Kesatuan Sekerja 1959 memberikan kuasa tertentu kepada kesatuan sekerja yang berdaftar?

(9 markah)

**SOALAN 3**

a. Anda diminta untuk menyediakan satu draf perjanjian kolektif antara Pos KnT Berhad dengan Kesatuan Pekerja-pekerja Perkeranian Pos KnT Berhad. Anda hanya perlu memasukkan butir-butir dalam Bahagian II yang terdiri daripada

- i. Fasal 5 – Pengiktirafan kesatuan
- ii. Fasal 6 – Pengiktirafan syarikat
- iii. Fasal 7 – Keahlian kesatuan
- iv. Fasal 8 – Yuran kesatuan

ke dalam draf tersebut.

(16 markah)

- b. Berdasarkan pengetahuan anda, berikan ulasan mengapakah rundingan kolektif membawa kebaikan berbanding keburukan kepada pihak kesatuan sekerja dan juga majikan?

(9 markah)

**SOALAN 4**

- a. Cadangkan langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh kesatuan sekerja untuk melaksanakan mogok supaya mogok yang dilaksanakan tidak melanggar undang-undang.

(10 markah)

- b. Tuan Syed Thoha Al-Habsi merupakan Pengurus Mahkamah Perusahaan Kuala Lumpur. Beliau dijemput untuk memberikan taklimat tentang mahkamah perusahaan kepada pekerja Syarikat Perikanan Hijau. Tujuan taklimat berkenaan adalah untuk menjelaskan kekeliruan yang berlaku dalam kalangan pekerja berkenaan bidang kuasa Mahkamah Perusahaan yang semestinya berbeza dengan mahkamah awam. Anda diminta untuk menyediakan teks taklimat yang akan disampaikan oleh Tuan Syed Thoha Al-Habsi dalam sesi taklimat berkenaan.

(15 markah)

**[100 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**